

## Koleksi Peribadi

Koleksi Peribadi Perpustakaan Negara Malaysia merujuk kepada koleksi yang mempunyai nilai tertentu, dimiliki oleh seseorang tokoh atau individu. Koleksi tersebut terdiri daripada hasil karya individu terbabit atau koleksi simpanan mereka yang merangkumi pelbagai bidang perkara menurut kegemaran, minat atau bidang kajian individu pemilik koleksi.

Maklumat yang terkandung dalam Koleksi Peribadi ini amat berguna untuk para penyelidik yang mengkaji sesuatu bidang perkara ataupun tentang tokoh-tokoh tertentu.

Sehingga kini, Perpustakaan Negara Malaysia mempunyai 36,138 naskhah koleksi peribadi yang terdiri daripada sasterawan negara, tokoh sastera, tokoh akademik, pelukis dan pengkaji sejarah dan budaya Malaysia.

### **Katalog Koleksi Peribadi**

1. Katalog Koleksi Nadir & Koleksi Peribadi Beranotasi / Perpustakaan Negara Malaysia, 2010
2. Katalog Koleksi Nadir dan Peribadi / Perpustakaan Negara Malaysia, 2006

### **Mengakses Koleksi Peribadi**

Koleksi Peribadi ditempatkan di Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara, Aras 10, Menara PNM dengan kawalan suhu, cahaya dan kelembapan dititikberatkan supaya bentuk fizikal asal bahan tidak mudah rosak.

Salinan digital bahan boleh diakses di [Sistem Repositori PNM](#).


Hubungi:

Unit Koleksi Khas  
Pusat Rujukan Malaysiana dan Luar Negara  
Perpustakaan Negara Malaysia  
Aras 10, Menara PNM  
232, Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur  
Telefon: 03-2687 1700 sambungan 1816  
E-mel: prmln@pnm.gov.my

### **Senarai Koleksi Peribadi PNM**

| Bil. | Tokoh Peribadi                    | Tahun Diperolehi | Jumlah Naskhah |
|------|-----------------------------------|------------------|----------------|
| 1    | Abdul Rahman Al-Ahmadi            | 1994             | 5,241          |
| 2    | John Bastin                       | 1995             | 3,079          |
| 3    | Che Ismail Che Daud               | 1997             | 1,206          |
| 4    | Ishak Haji Muhammad (Pak Sako)    | 1997             | 76             |
| 5    | Aziz Jahpin                       | 1998             | 205            |
| 6    | N. A.Halim (Abd Halim Nasir)      | 1999             | 3,606          |
| 7    | Abdul Karim Abdullah (Bung Karim) | 2002             | 309            |


|           |                               |      |       |
|-----------|-------------------------------|------|-------|
| <b>8</b>  | Said Zahari                   | 2002 | 4,344 |
| <b>9</b>  | Mohd Idris Kamaruddin         | 2003 | 2,270 |
| <b>10</b> | Naharuddin Hj. Ali            | 2004 | 290   |
| <b>11</b> | Rosidi Semail (Rossem)        | 2005 | 43    |
| <b>12</b> | Zaid Ahmad                    | 2006 | 2,234 |
| <b>13</b> | Zainal Buang Hussien          | 2007 | 285   |
| <b>14</b> | Zainal Abidin Ahmad (Za'ba)   | 2008 | 1,161 |
| <b>15</b> | A Samad Said                  | 2008 | 245   |
| <b>16</b> | Noordin Hassan                | 2009 | 5,432 |
| <b>17</b> | Wan Mohd Shaghir Bin Abdullah | 2015 | 3,001 |
| <b>18</b> | Abdullah Hussain              | 2015 | 135   |
| <b>19</b> | Muhammad Haji Salleh          | 2017 | 1,070 |
| <b>20</b> | S. Othman Kelantan            | 2019 | 844   |
| <b>21</b> | Anwar Ridhwan                 | 2019 | 693   |
| <b>22</b> | Talib Samat                   | 2020 | 364   |



Manuskrip tulisan tangan oleh A. Samad Said



Koleksi komik oleh Zainal Buang Hussein



Koleksi lukisan/album gambar Abdul Halim Nasir